



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**25 Jun 2024
18 Zulhijjah 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Potensi bisnes ikan hiasan
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Kelunturan terumbu karang Malaysia • Hidupan laut diancam tekanan
The Star	• Fantastic fin-dustry
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			21	25.06.2024



Potensi bisnes ikan hiasan

PENJUAL Ikan Aza Aquarium Amir Hizap Abdul Ghafar, 24, melakukan kerja-kerja pembersihan akuarium ketika tinjauan di Aza Aquarium, Bandar Baru Bangi. Industri ikan hiasan mempunyai potensi besar kepada ekonomi negara terutama dari segi eksport dan pendapatan penternak dengan pengeluarannya dijangka meningkat sebanyak 352 juta ekor bernilai RM550 juta menjelang 2030. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, pengeluaran ikan hiasan pada 2023 adalah sebanyak 241 juta ekor dengan nilai RM373 juta dan 21 peratus daripadanya bagi tujuan eksport. Pencapaian ini jelas menunjukkan bahawa industri ikan hiasan Malaysia mempunyai potensi besar untuk terus berkembang.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		13	25-6-2024

Kelunturan terumbu karang Malaysia

Peningkatan suhu permukaan laut beri implikasi serius terhadap biodiversiti marin

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI
SHAH ALAM

Terumbu karang di negara ini sedang mengalami isu kelunturan besar-besaran akibat peningkatan suhu permukaan laut yang boleh memberi implikasi serius terhadap biodiversiti marin, perikanan terumbu karang dan pelancongan di Malaysia.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Bohari Leng berkata, kelunturan karang merupakan ancaman besar kepada kesihatan terumbu karang. "Ia menyebabkan batu karang menjadi putih dan mengakibatkan rupa terumbu karang menjadi luntur.

"Kelunturan secara besar-besaran merujuk kepada kelunturan berskala besar pelbagai spesies karang disebabkan kenaikan suhu air laut yang melebihi paras purata normal suhu tahunan dalam tempoh berpanjangan," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, negara mengalami peristiwa kelunturan yang ketara pada tahun 1998, 2004, 2010, dan 2014 sehingga 2016.

"Berdasarkan suhu air laut global, kelunturan karang dijangka akan menjadi lebih kerap pada tahun-tahun mendatang.

"Sejak awal tahun ini, United States

National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) telah mengeluarkan pemberitahuan Bleaching Watch untuk Malaysia yang menunjukkan suhu permukaan laut melebihi purata dan potensi tekanan terma pada terumbu karang," kata beliau.

Menurutnya, sebagai tindak balas, pihaknya mengeluarkan amaran pada 1 April 2024 kepada semua Pejabat Perikanan Negeri untuk memantau keadaan terumbu dan melaporkan tanda-tanda kelunturan karang.


"Tinjauan yang dijalankan dari April hingga Jun menunjukkan lebih 50 peratus terumbu karang khususnya di Kepulauan Taman Laut seperti Pulau Payar (Kedah), Pulau Perhentian, Pulau Redang, Pulau Tenggol (Terengganu), Pulau Tioman (Pahang) dan Pulau Pemanggil (Johor) terjejas akibat peningkatan suhu permukaan laut.

"Kebanyakan terumbu yang terjejas berada di perairan cetek kurang dari 10 meter dan kesemua tapak ini sedang dipantau rapi oleh DOF (Jabatan Perikanan Malaysia) untuk mengesan perubahan dalam situasi kelunturan," katanya.

Bohari berkata, semua pihak disaran agar bersama membantu meminimumkan kesan kelunturan karang.

"Pengusaha pelancongan di pulau-pulau taman laut digalakkan mengawal jumlah pelancong yang terlibat dalam aktiviti rekreasi air bagi mengurangkan tekanan ke atas terumbu.

"Dalam masa sama, pelancong harus mengelakkan sebarang sentuhan fizikal dengan batu karang semasa aktiviti air, mengurangkan penggunaan plastik sekali pakai, membuang sisa sampah dengan betul dan melaporkan penemuan ke-



Kerjasama orang ramai penting dalam menguruskan kesan kelunturan karang secara besar-besaran di Malaysia.

lunturan karang kepada DOF atau pihak berkuasa berkaitan," ujar beliau.

Jelasnya, kerjasama orang ramai penting dalam menguruskan kesan kelunturan karang secara besar-besaran.

"Kita harus bersama membantu melindungi dan memelihara terumbu karang Malaysia yang tidak ternilai untuk generasi akan datang," katanya.

Kepentingan ekonomi dan ekologi terumbu karang adalah untuk menyediakan habitat dan tempat pembiakan sehingga satu pertiga daripada spesies marin dan menurut kajian DOF, nilai ekonomi Taman Laut yang sebahagian besar dikelilingi ekosistem terumbu karang berjumlah RM8.7 bilion setahun melalui pelbagai perkhidmatan ekosistem.

Hidupan laut diancam tekanan

SHAH ALAM - Kelunturan terumbu karang boleh menyebabkan kehidupan laut lain terutama juvenil haiwan (hidupan laut belum dewasa) yang hidup di dalamnya mengalami tekanan kerana terdedah kepada pemangsa. Pensyaran kanan dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Madya Dr Tan Chun Hong berkata, kajian menunjukkan kadar kematian ikan yang hidup dalam terumbu karang lebih tinggi sekiranya berada di dalam batu karang yang mengalami kelunturan.

"Selepas batu karang mati, secara tidak langsung haiwan-haiwan marin turut kehilangan habitat mereka.

"Ia juga menyebabkan kesan negatif jangka masa panjang kepada ekosistem marin serta sumber perikanan di negara ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*



CHUN HONG

pada Isnin.

Ditanya mengenai sifat kehidupan laut itu, Chun Hong berkata, batu karang merupakan sejenis haiwan sesil yang tumbuh di kawasan laut cetek dan mempunyai toleransi terhadap suhu air yang sangat kecil.

Ujarnya, perubahan sekurang-kurangnya hanya 2 darjah Celsius turut akan memberikan tekanan kepada kehidupan laut tersebut.

"Batu karang adalah asas yang membentuk terumbu karang. Satu kehidupan laut yang besar dan sihat terhasil daripada pelbagai jenis batu karang yang berusia ratusan tahun.

"Tumbesaran batu karang sangat lambat. Jika tiada sebarang bentuk ancaman ia boleh hidup beratus tahun tetapi bergantung kepada jenis dan persekitaran mereka," tambahnya.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	/	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			4	25.6.2024



Fantastic fin-dustry

Ornamental fish trader Amir Hizap Abdul Ghafar cleaning up a tank full of colourful fish at a shop in Bandar Baru Bangi. The ornamental fish industry holds significant economic potential for the country, particularly in terms of exports and income for breeders, with production projected to reach 352 million fish valued at RM550mil by 2030. Fisheries department deputy director-general (management) Wan Muhammad Aznan Abdullah said that Malaysia produced 241-million ornamental fish worth RM373mil in 2023. — Bernama